

# Dr Mahathir tidak benci peguam

**P**ERTEMBUNGAN Majlis Peguam dengan kerajaan sudah bermula sejak pentadbiran Tun Hussein Onn dan bukan ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata walaupun Akta Profesion Undang-Undang diperkenalkan pada 1976, ia tidak bermakna masalah pertembungan berputik ketika itu.

"Berasaskan nota saya, bibit pertembungan itu sudah berlaku sejak zaman Tun Hussein. Maka tidak benar untuk mengatakan ia berlaku ketika zaman Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri," katanya mengu- lung perbahasan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 di Dewan Rakyat semalam.

Nazri menjawab persoalan Karpal

Singh (DAP-Bukit Gelugor) kenapa ada permusuhan antara Majlis Peguam dan kerajaan ketika pentad- biran Dr Mahathir.

Beliau berkata, Dr Mahathir se- benarnya berselisih faham dengan hakim pada 1995 dan Majlis Peguam mengambil sikap membela hakim.

"Ketika ini barulah ia bertem- bung dengan Perdana Menteri. Nak kata secara rambang dia benci pe- guam, itu spekulasi. Sebelum itu, tak ada apa-apa. Hubungan baik. Ketika itu Bukit Gelugor adalah pe- guam muda, kuat dan penyokong kuat DAP, dan politik menguasai diri," katanya.

Menjawab soalan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah), Nazri berkata, ke- rajaan mahu Majlis Peguam menjadi badan undang-undang yang bebas da- ripada pengaruh politik baik kera- jaan mahupun pembangkang.

BH - 4/7/2006

**“Berasaskan nota saya, bibit pertembungan itu sudah berlaku sejak zaman Tun Hussein. Maka tidak benar untuk mengatakan ia berlaku ketika zaman Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri”**

**Nazri Aziz**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

"Kita pun tak mahu Majlis Peguam ikut pandangan kerajaan. Kalau dia ahli MCA pun kita tak mahu," ka- tanya merujuk kepada Presiden Maj- lis Peguam, Yeo Yang Poh.

Sementara itu, Nazri berkata, ke- rajaan menerima baik keputusan Mahkamah Persekutuan menolak permohonan Peguam Diraja Bri- tish (Queen's Counsel), yang juga isteri Perdana Menteri Britain, Cherie Blair, untuk mewakili sya- rikat pembinaan, Fawziah Holdings Sdn Bhd dalam rayuan terakhir difailkan Metramac Cor- poration Sdn Bhd.

Katanya, Malaysia mempunyai ba- nyak peguam berkaliber untuk meng- endalikan kes sedemikian.

"Kalau kita menerima beliau, ini akan menunjukkan badan kehaki- man tidak yakin dengan peguam tem- patan," katanya.